

MAHATHIR

1979

ALOR SETAR, 24 MAC. (BERNAMA)--TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MEMBERI AMARAN KEPADA BADAN-BADAN ANTARABANGSA DAN ORANG-ORANG ASING SUPAYA JANGAN MENCAMPURI HAL EHWAL DALAM NEGARA INI.

BELIAU MENEGASKAN WALAUPUN MEREKA MENJADI ANGGOTA BERBAGAI BADAN ANTARABANGSA, PENYERTAAN NEGARA INI DALAM BADAN-BADAN ITU MEMPUNYAI SATU SYARAT YANG AMAT PENTING IAITU MEREKA TIDAK BOLEH CAMPURTANGAN DALAM MASALAH NEGARA INI.

SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MENGAMALKAN DASAR DEMOKRASI, MALAYSIA MEMPUNYAI WAKIL-WAKIL YANG DIPILIH OLEH RAKYAT UNTUK MENTADHIR DAN MENJALANKAN URUSAN NEGERI INI, TAMBAHNYA,

HANYA MEREKA SAHAJA YANG PERHAK MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI HAL EHWAL NEGARA INI, KATANYA KETIKA MERASMIKAN KURSUS SIVIK UNTUK 200 ORANG PEMIMPIN TEMPATAN DI SEKOLAH MENENGAH SULTAN ABDUL HALIM, DEKAT SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA BADAN-BADAN ANTARABANGSA ATAUPUN ORANG-ORANG LUAR TIDAK MEMPUNYAI HAK UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI SEBARANG HAL EHWAL NEGARA INI.

+KITA TIDAK AKAN MENERIMA ARAHAN DARIPADA ORANG-ORANG LUAR WALAUPUN MEREKA MENGANCAM UNTUK MENGHANCURKAN NEGARA INI,+ UJARNYA. --BERSAMBUNG 1532/MD

MAHATHIR 2 ALOR SETAR.

+KITA AKAN MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA DARIPADA DIKUASAI OLEH MANA-MANA BADAN ANTARABANGSA SEPERTI MANA KITA MEMPERTAHANKAN MALAYSIA DARIPADA SERANGAN MUSUH UNTUK MENAKLUK NEGARA INI,+

KATANYA, BELIAU LEBIH SANGUP MELAYAN DAN MENDENGAR ADUAN ATAU MASLAHA-MASLAH DARIPADA PENGUNDI-PENGUNDI DI KAWASANNYA DARIPADA TUNDUK KEPADA TEKANAN OLEH ORANG-ORANG LUAR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM SISTEM YANG DIAMALKAN OLEH NEGARA INI, PARA PEKERJA BOLEH MENUBUHKAN KESATUAN SEKERJA MASING-MASING UNTUK MENJAMIN MEREKA TIDAK DITINDAS OLEH PARA MAJIKAN.

TETAPI KESATUAN-KESATUAN SEKERJA YANG DITUBUHKAN ITU HENDAKLAH BERTANGGUNGJAWAB DAN JANGANLAH MEMBIARKAN MEREKA DIPERALATKAN OLEH KESATUAN-KESATUAN SEKERJA ANTARABANGSA, KATANYA.

INI ADALAH DISEBABKAN BIASANYA KESATUAN-KESATUAN SEKERJA ANTARABANGSA HANYA MEMBERIKAN DORONGAN KEPADA KESATUAN-KESATUAN SEKERJA TEMPATAN UNTUK MENUNTUT GAJI YANG LEBIH TINGGI TANPA MENGHIRAUKAN AKIBAT TERHADAP EKONOMI NEGARA, TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- BERSAMBUNG 1538/MD

££

B543

MAHATHIR 3 ALOR SETAR.

BELIAU MEMBERITAHU MALAYSIA KINI TELAH MENJADI SEBUAH NEGARA YANG DAPAT MENGELUARKAN BERBAGAI JENIS BARANGAN SEPERTI GETAH, MINYAK, KELAPA WAWIT, KAIN BAJU DAN BARANG-BARANG PUATAN LAIN YANG BOLEH BERSAINGAN DENGAN KELUARAN NEGARA-NEGARA ASING, KHUSUSNYA NEGARA-NEGARA BARAT.

BEZANYA HANYALAH KAIN YANG DIKELUARKAN OLEH NEGARA INI ADALAH LEBIH MURAH DARIPADA KAIN KELUARAN NEGARA-NEGARA TERSEBUT SERTA MENDAPAT PASARAN ANTARABANGSA YANG LEBIH LUAS.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA UNTUK MENAIKKAN HARGA BARANG-BARANG MALAYSIA, KESATUAN-KESATUAN SEKERJA ANTARABANGSA AKAN MENGHASUT PEKERJA-PEKERJA NEGARA INI MENUNTUT GAJI YANG LEBIH TINGGI SUPAYA BARANG-BARANG YANG DIKELUARKAN OLEH NEGARA INI TIDAK LAGI MENDAPAT PASARAN ANTARABANGSA.

HALA INI BERLAKU KILANG-KILANG PERUSAHAAN YANG BERKENAAN TERPAKSA DITUTUP DAN AKIBATNYA PEKERJA-PEKERJA BUKAN SAHAJA TIDAK AKAN MENDAPAT GAJI YANG LEBIH TINGGI TETAPI AKAN HILANG PEKERJAAN+ TAMBAHNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI KEMUDIAN MEMBERITAHU PARA PEMBERITA BAHAWA HARAPAN BAGI MAS MENYAMBUNG SEMULA PENERBANGAN ANTARABANGSA-NYA ADALAH CERAH, KECUALI KE BRITAIN DAN AUSTRALIA. --BERSAMBUNG 1545/MD

EE
E544

MAHATHIR 4 ALOR SETAR.

INI ADALAH DISEBABKAN PERSEKUTUAN PEKERJA-PEKERJA PENGANGKUTAN ANTARABANGSA (ITF) DI NEGARA-NEGARA TERSEBUT AGAK KUAT PENGARUHNYA. BELIAU MENAMBAH, KERAJAAN TIDAK BOLEH BERUNDING DENGAN ITF KERANA TUJUAN MEREKA TALAH UNTUK MENGHANCURKAN PERKHIDMATAN UDARA NEGARA INI.

MENGENAI PERTIKAIAN ANTARA MAS DAN KESATUAN PEKERJA-PEKERJA PENERBANGAN (AEU), DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN MASALAH ITU AKAN DAPAT DISELESAIKAN KERANA RUNDINGAN SEDANG BERJALAN SEKARANG. -- BERNAMA 1547/MD